

03 AUG 1997

Mahathir-Filem

PENGUSAHA FILEM DIGESA KIKIS SIKAP NEGATIF

PETALING JAYA, 3 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru syarikat-syarikat filem supaya mengikis sikap yang menganggap dunia "berhutang" kepada mereka termasuk mengikis mentaliti bahawa "kerajaan dan semua orang berhutang dengan mereka".

"Kita tidak boleh menuntut kerajaan membela kita mengikut kehendak kita, sedangkan kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif," katanya pada majlis makan malam Seniman di Hotel Sunway Lagoon Resort dekat sini malam ini.

Dr Mahathir berkata: "Sekarang kita berada dalam era 'survival of the fittest'. Sebagai contoh Koridor Raya Multimedia atau MSC sendiri, ia tidak ada 'precedent' sebelum kita. Kita tidak ada punca rujukan."

Beliau berkata tiada model untuk dicontohi tetapi syarikat-syarikat filem mestilah berani mempeloporinya dan setelah mewujudkannya, mereka perlu memasarkannya dengan lebih agresif.

Katanya, sekarang orang sudah mula yakin dengan Malaysia dan pada hari ini sudah ada 90 syarikat yang telah memohon untuk mendapat status MSC.

"Begitulah juga dengan filem. Filem Hollywood mengetuai industri ini di seluruh dunia bukan kerana semata-mata budget (belanjawan) yang besar, tetapi lebih kerana pemasaran yang cukup agresif dan meluas ke seluruh pelusuk dunia," katanya.

Oleh demikian, katanya, seseorang itu perlu menjadi usahawan yang berjaya untuk membikin filem yang berjaya dan bermutu kerana dalam perniagaan juga perlu ada teknik-teknik untuk berunding.

"The Art of Negotiations' perlu ada pada kita. Pada pandangan saya, orang filem di negara ini perlu mewujudkan hubungan yang baik dengan semua pihak yang terlibat dalam industri filem," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, untuk menjamin mereka yang terlibat dalam industri filem mendapat hak perlindungan bagi hasil mereka, kerajaan menerusi pewujudan 'Multimedia Bill of Guarantees' telah mensyaratkan antaranya 'MSC akan menjadi pendahulu di rantau ini dalam Perlindungan Harta Intelek dan Cyberlaws'.

Sehubungan itu, dalam usaha kerajaan memajukan MSC, katanya, karyawan filem haruslah merebut peluang-peluang yang ada kerana telah ada jaminan bahawa hasil karya mereka akan dilindungi.

"Jika dilihat, kita boleh membuat filem dengan berasaskan kepada olahan-olahan mengenai isu yang lebih konkrit, tetapi kebanyakan filem pembikinan negara ini berkisar kepada kisah-kisah cinta," katanya.

"Kalau kita lihat filem-filem yang memenangi anugerah perfileman peringkat antarabangsa, filem-filem ini tidak menjadikan cinta sebagai tema utama mereka dan kebanyakan yang menang lebih memaparkan tema kemasyarakatan yang serius," tambahnya.

Dr Mahathir berkata kemenangan mereka dihasilkan menerusi filem-filem yang humanis sambil memberikan komentar sosial secara halus seperti filem 'The English Patient' dan 'Forrest Gump' di mana persoalan-persoalan yang dikemukakan menyentuh kisah sejagat dan bukannya kisah-kisah yang berunsurkan cinta.

Beliau berkata adalah tidak benar bahawa untuk berjaya membuat filem di negara ini, kita perlu meniru filem-filem yang telah tersohor seperti filem-filem keluaran Hollywood.

"Kita tidak perlu meniru atau mengikut filem-filem olahan Barat termasuk budaya-budaya tidak baik yang sering dipaparkan menerusi

filem-filem mereka, malahan kalau kita lihat di Festival Filem Cannes pada Mei lepas, filem dari negara bukan Barat iaitu 'The Taste of Cherry' dari Iran telah berjaya memenangi anugerah tertinggi sedangkan filem itu hanya mengisahkan seorang manusia yang sedang mencari 'kehalusan budi manusia'," katanya.

Perdana Menteri berkata filem-filem keluaran negara ini boleh juga diwajahkan dengan wajah-wajah Malaysia sendiri agar dapat diperkenalkan 'trademark' Malaysia di mata dunia, tetapi isu-isu yang hendak diketengahkan perlulah isu-isu universal yang dapat menarik mata dunia, iaitu isu yang relevan dan yang menyentuh asas kemanusiaan di mana jua tanpa sempadan geografi, politik, budaya dan masa.

Turut hadir Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik. -- BERNAMA

ZAB oba